

14

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATUK HUSSEIN ONN, DI MAJLIS
PEMBUKAAN MESJID BECHAK SEMAK,
TENDONG, PASIR MAS, KELANTAN,
PADA 6HB. MAC, 1978 (ISNIN)
JAM 12.00 T/HARI.

Y. Bahgia Pengurus Jk. Sambutan

Yang Amat Berhormat
Datuk Haji Mohamed Nasir,
Menteri Besar Kelantan.

~~Y.B. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah,
Menteri Kewangan.~~

Datuk Sri Kamarudin

~~Y.B. Datuk Haji Mohamad bin Yaacob.~~

~~Yang Berbahagia Pegawai Daerah Pasir Mas,~~

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Assalamualaikum ~~W~~arahmatullahi Wabarakatuh!

Saya mengucapkan ^{*berbanyak*} terima kasih serta

setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli

Jawatankuasa Pengelola dan Kerajaan Negeri

Kelantan, di atas penghormatan yang telah

diberikan kepada saya ^{*untuk*} meresmikan Mesjid

Bechak Semak ini. Saya merasa amat gembira

kerana dalam lawatan saya ke Kelantan kali ini, saya dapat bertemu muka dengan penduduk-penduduk di sini.

minta maaf kerana isteri saya tidak datang bersama kerana salah faham bahwa oleh kerana upacara ini ialah penutupan masjid, barang kali difikirkan tidak elok kaum wanita hadir bersama.

2. Semalam, saya telah meresmikan pelancaran

Lembaga Wilayah Kelantan Selatan, iaitu agensi

yang akan mengelolakan pelaksanaan pembukaan

tanah secara besar-besaran dan pembangunan

di kawasan Wilayah Kelantan Selatan. Projek

raksaksa yang akan meningkatkan kegiatan

ekonomi Kelantan, akan memberi harapan masa

depan yang lebih cemerlang, bagi rakyat

negeri ini.

3. Saya harap, rakyat negeri Kelantan akan dapat melibatkan diri sepenuhnya, dan menyertai dengan lebih bersungguh-sungguh lagi, dalam semua kegiatan pembangunan yang boleh meningkatkan taraf ekonomi mereka.

Islam menyuruh kita berikhtiar dan berusaha di dunia, di samping menunaikan suruhan dan perintah Allah.

4. Islam tidak menyekat umatnya memiliki harta kekayaan, yang dikurniakan oleh Allah di dunia ini. Pertumbuhan dan pembangunan ekonomi umat Islam, tidak akan tercapai matalamat

sepenuhnya, jika penganut-penganutnya tidak merebut peluang-peluang dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan.

5. Kerajaan Barisan Nasional akan terus membangunkan ekonomi Umat Islam di negara ini, dengan berdasarkan lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh agama, supaya penghidupan kita, sentiasa diberkati oleh Allah dengan segala kesejahteraan dan kebahagiaan. Rakyat negeri Kelantan janganlah bimbang dan sangsikan, kerana kita akan sentiasa menjunjung tinggi

kemuliaan Uqama Suci Allah, dan tidak akan lari dari ajaran-ajaran dan hukuman-hukuman yang ditetapkan oleh Islam.

6. Oleh itu, sewajarnya adalah seluruh umat Islam di tanah air, khususnya di Kelantan ini, supaya mempunyai tekad yang kuat, dan semangat dedikasi yang tinggi, untuk berusaha dan meneroka setiap sumber ekonomi yang ada di-negara kita. Allah telah menjelaskan di dalam Kitab Suci Al-Quran, bahawa sumber ekonomi itu, boleh didapati di mana-mana sahaja, di daratan, dilautan, di bukit-bukau dan

di ~~gunung-gunung~~^{gunung}. Berilah keyakinan kepada Kerajaan Barisan Nasional, Insya Allah kita akan membawa kemajuan dan kemakmuran yang lebih meningkat lagi, bagi negeri dan rakyat Kelantan.

7. Sebagaimana yang telah saya tegas dan jelaskan, bahawa adalah menjadi hasrat suci Kerajaan Pusat, yang didukung oleh Barisan Nasional, membawa lebih banyak lagi projek-projek pembangunan ke negeri ini, bagi membolehkan rakyat Kelantan mendapat faedah dan kemakmuran, serta menikmati kekayaan negara dengan lebih *berkesan lagi*.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN.

7 A. KESEMUA PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN YANG
~~XXXX~~ ~~KESEMUA~~
DI-RANCANGKAN INI, TIDAK AKAN TERLAKSANA DENGAN
LICIN, JIKA TIDAK ADA PERSEFAHAMAN DAN KERJASAMA
YANG ERAT, DI-ANTARA KERAJAAN PUSAT YANG
DI-KUASAI OLEH BARISAN NASIONAL, DENGAN KERAJAAN
NEGERI YANG AKAN SAUDARA-SAUDARA PILEH PADA
11HB MAC INI, BAGI MENJAMIN KEJAYAAN
PELAKSANAAN SEMUA PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN INI,
RAKYAT KELANTAN MESTILAH MEMBERIKAN MANDAT
BARU KEPADA BARISAN NASIONAL PADA 11HB MAC
INI, SUPAYA BARISAN NASIONAL DAPAT TERUS
MENTADBIR NEGERI INI, SAYA BERJANJI AKAN
MEMBERI SOKONGAN DAN BANTUAN TERHADAP PELAKSANAAN
PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN INI.

7 B. SAYA MENYERU ~~KEPADA~~ SELUROH RAKYAT
NEGERI KELANTAN SUPAYA KELUAR BERAMAI-RAMAI PADA
 11HB MAC INI, MENYOKONG DAN MEMILEH CALUN-CALUN
BARISAN NASIONAL⊙ INI ADA-LAH PENTING BAGI
 MENJAMIN MASA DEPAN YANG LEBIH CEMERLANG BAGI
 NEGERI KELANTAN⊙

7 C. SEBAGAI PUCOK PIMPINAN BARISAN NASIONAL,
 DAN KETUA KERAJAAN PUSAT, SAYA BERJANJI AKAN
 MEMBAWA PEMBANGUNAN ROHANIAH DAN JASMANIAH, SUPAYA
 RAKYAT NEGERI KELANTAN DAPAT MENCAPAI KEMAJUAN,
 SETANDING DENGAN RAKYAT DI- NEGERI-NEGERI LAIN
 DI-MALAYSIA INI⊙ RAKYAT MELAYU DARI NEGERI
KELANTAN MEMANGLAH TERKENAL DENGAN DAYA USAHA
 KEMAJUAN⊙ BOKTI INI NYATA DAPAT DI-LIHAT DARI

ORANG-ORANG KELANTAN YANG TELAH KELUAR
BERHIJRAH KE-JOHOR, PAHANG DAN TRENGGANU,
SERTA MEREKA YANG TELAH MENEROKA DALAM
RANCANGAN-RANCANGAN TANAH FELDA.

7 D. INSYA ALLAH, PENENTUAN PADA 11HB
MAC INI, AKAN MEMBAWA NASIB YANG LEBIH BAIK
LAGI KEPADA RAKYAT KELANTAN SELUROHNYA. MEREKA
TIDAK-LAH PAYAH MERANTAU KE-NEGERI -NEGERI
LAIN UNTUK Mencari KEMAKMORAN DAN KEBAHAGIAN.
KEMUDAHAN DAN KEMAJUAN AKAN DI-BAWA KE- KELANTAN
SUPAYA DAPAT DI-NIKMATI OLEH SEMUA LAPISAN
RAKYAT NEGERI INI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN.

7 E. KITA TIDAK-LAH BOLEH MENAFIKAN BAHAWA

JALAN KE-ALAM ^{BAQA} BAQA ITU, MESTI-LAH MELALUI

ALAM FANA INI, PERJALANAN KE-AKHIRAT AKAN

DI-PERTIMBANGKAN ^{DI-ATAS} AMAL IBADAH DAN AMAL JARIAH

KITA DI-DUNIA, PEMBANGUNAN JASMANIAH DAN ROHANIAH

INI, AKAN MEMPERKUKUHKAN BEKALAN KITA DI-AKHIRAT

KELAK. KERAJAAN PUSAT BARISAN NASIONAL, TIDAK

SEKALI-KALI MENEKANKAN PEMBANGUNAN UNTOK DUNIA

SEMATA-MATA, SEGALA PERANCANGAN PEMBANGUNAN,

ADA-LAH JUGA BERFAEDAH UNTOK AKHIRAT, SEKOLAH-

SEKOLAH UGAMA DAN ARAB, ^{SERTA} LEMBAGA URUSAN ~~DAN~~

~~TABUNG HAJI, MISAL-NYA, SEBENTAR TADI SAYA~~

~~BARU SAHAJA MERASMIKAN KOMPLEKS TABUNG HAJI~~

DAN TABUNG HAJI, MISAL-NYA, ADA-LAH BOKTI
NYATA TERHADAP PENGIMBANGAN YANG DI-SEDIAKAN
OLEH KERAJAAN PUSAT BARISAN NASIONAL, UNTUK
FAEDAH UMAT ISLAM BAGI DUNIA DAN AKHIRAT.

7 F. PAGI TADI, SAYA TELAH MERASMIKAN
KOMPLEKS TABUNG HAJI DI-KOTA BAHRU. SELAIN
DAPAT MELIBATKAN UMAT ISLAM DALAM KEGIATAN
EKONOMI, BANGUNAN ITU MEMBERI KEMUDAHAN TEMPAT
BERNIAGA BAGI KAUM BUMIPUTRA. KERAJAAN PUSAT
BARISAN NASIONAL AKAN TERUS MENEKANKAN
PERSEIMBANGAN PEMBANGUNAN ROHANIAH DAN JASMANIAH
DI-KELANTAN INI, JIKA RAKYAT NEGERI MEMBERIKAN
KEPERCAYAAN TERUS-MENERUS KEPADA BARISAN NASIONAL
PADA 11HB MAC INI.

~~berkesan lagi.~~

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

8. Ugama Islam, yang dibawa oleh Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu-'alaihi-wasallam ke alam ini, adalah untuk memberi rahmat kepada seluruh alam, bukan hanya untuk sesuatu kelompok atau kaum sahaja. Ajarannya meliputi semua tatacara hidup, di mana matalamatnya ialah bagi mencapai keredhaan Allah, serta mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

9. Dalam menghadapi kehidupan di dunia ini, soal perpaduan diantara umat, adalah diantara ciri-ciri kehidupan, yang mesti diamalkan dan dipatuhi oleh sesuatu umat. Terserahlah kepada umat itu mengendali dan mengekalkannya.

10. Dalam masyarakat Malaysia sekarang ini, dimana anggotanya terdiri dari berbagai kaum yang berbeda kepercayaan, adat resam, dan cara hidup, perpaduan merupakan sesuatu yang begitu penting bagi mencapai kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran negara ini.

11. Perpaduan bangsa di negara ini, memerlukan kepada kebulatan tekad, cita-cita dan semangat inginkan kesejahteraan hidup dan kesetabilan suasana, berpandukan kepada tuntutan dan ajaran agama masing-masing.

12. Umat Islam yang merupakan sebahagian besar daripada penduduk negara, perlu mengakui dan memahami bahawa, dengan mengamalkan sepenuhnya ajaran Islam, kebahagiaan yang dicita-citakan, kebahagiaan di dunia dan akhirat, pasti akan dapat diperolehi. Kebahagiaan tidak akan tercapai oleh sesuatu

masyarakat tanpa adanya rasa kasih sayang dan saling faham memahami, antara satu sama lain. Oleh kerana itu, Kerajaan meletakkan soal perpaduan dan penyatuan umat atau bangsa itu, sebagai dasar bagi kekuatan dan keutuhan negara seluruhnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

13. Di atas dasar dan matlamat inilah, Kerajaan Barisan Nasional telah, sedang dan akan terus memperjuangkan kepentingan dan kebajikan rakyat berbilang kaum, yang

telah bersama-sama kita membangunkan negara ini selama 21 tahun. Mereka yang telah menjadikan negara ini tempat tinggalnya yang kekal dan abadi, serta menunjuk ketaat-setiaannya yang tidak berbelah bahagi, hendaklah diberikan perlindungan dan layanan yang 'adil dan saksama.

Tuan² sekalian.

14. Saya berani berikrar di sini bahawa, kita tidak lari dari landasan ajaran Ugama Suci Allah, dalam sebarang tindakan kita ini, atau, bertolak ansur dalam perkara ugama dan hak keistimewaan orang-orang Melayu.

Jauh sekali dari mengqadaikan hak-mutlak
bangsa Melayu atau Umat Islam.

15. Perpaduan yang kukuh di kalangan rakyat
berbilang kaum, bukan sahaja dapat dijadikan
benteng bagi menghadapi ancaman musuh, bahkan
akan mempertahankan lunas-lunas ajaran Islam.
Inilah faktor utama mencapai kemakmuran
dan kesejahteraan.

16. Saya harap, umat Islam akan dapat lebih
bersatu-padu dalam usaha kita meningkatkan
pembangunan ekonomi. Dengan menunaikan

perintah dan suruhan Allah, serta beriman dan bertaqwa kepadaNYA, Tuhan akan memberi taufiq dan petunjuk kepada kita semua, kepada jalan yang benar, dan jalan yang diredhai Allah.

17. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada rakyat dan Kerajaan Negeri Kelantan, di atas segala sambutan dan layanan yang diberikan kepada saya, di sepanjang lawatan saya ke Kelantan kali ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

18. Dengan ini, saya dengan nama Allah yang amat pemurah lagi amat mengasihani, meresmikan pembukaan Mesjid Bechak Semak ini.

Wabillahit-taufiq, Walhidayah.

Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.



✓ Api Listrik
Jalan Punggawa
Padang Sekolah.

Bantuan Masjid
Bus Sekolah.



No. Siri	349
No. Penerimaan	24/81